

# Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1



Susulan daripada kenyataan media yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang YAB. Chow Kon Yeow pada pagi ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk memberikan bantuan khas kewangan sebanyak RM500.00 secara one-off kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1.

Ini adalah satu berita yang baik kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan. Implikasi kewangan berjumlah sebanyak RM97,000.00 telah diperuntukan di bawah bantuan khas kewangan ini dan dijangka akan dapat memanfaatkan sebanyak 194 pengusaha kegiatan industri ini di Pulau Pinang termasuk pengusaha tenpin bowling,

snuker, Yoga, Zumba, Aerobic, futsal, badminton, senaman, gymnasium, sukan pemotoran go-kart, paintball dan pengajaran sukan dan dewan serbaguna untuk kegiatan sukan.

Hanya pengusaha kegiatan sukan yang berlesen dan berdaftar dengan PBT adalah layak untuk memohon bantuan khas kewangan tersebut. Justeru itu, pengusaha-pengusaha yang belum memperbaharui lesen adalah dinasihatkan untuk memperbaharui lesen sebelum 31 Mac 2021 supaya dapat mengepulkan lesen perniagaan dan SSM yang sah untuk memohon bantuan khas kewangan tersebut. PBT akan mengumumkan garis panduan permohonan bantuan khas tersebut pada minggu depan. Sebagai EXCO Belia dan Sukan Pulau Pinang, saya turut mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memutuskan sebahagian bantuan kewangan kepada golongan pengusaha sukan untuk meringankan sedikit beban kewangan mereka.

Sektor sukan merupakan salah satu sektor yang amat terkesan dengan pandemik COVID-19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar bahawa kesukaran dan ketekanan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kegiatan sukan dan telah mengambil langkah-langkah untuk membantu pengusaha sukan di negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pengusaha sukan air juga mendapat bantuan kewangan di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM500.00 secara one-off kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa memberi tumpuan dan sokongan kepada golongan pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan supaya bersama-sama mengatasi cabaran pandemik Covid-19 ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, [penang.gov.my](http://penang.gov.my).